

Jurnal Arkeologi Malaysia  
September 2019, Vol. 32, No.2, hlm. 31-43  
ISSN 0128-0732 e-ISSN 2590-4302  
Diterbitkan oleh Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia

## PEMETAAN LOKASI MAHKOTA ATAP MASJID WARISAN DI NEGERI MELAKA

*(MAPPING LOCATION OF THE ROOF CROWN OF HERITAGE MOSQUE  
IN MELAKA)*

**Nurfarahhana Ismail, Ros Mahwati Ahmad Zakaria,  
Zuliskandar Ramli & Aszuhlida Aman**

### Abstrak

---

Masjid adalah sebuah bangunan dan mercu tanda yang telah dibina oleh masyarakat Islam sebagai salah satu simbol agama Islam yang berfungsi sebagai pusat ibadah terpenting dalam sesebuah wilayah Islam. Terdapat pelbagai reka bentuk masjid yang menjadi identiti kepada pemerintah Islam di seluruh dunia. Di Melaka, pembinaan masjid bukan sahaja mempunyai nilai sejarah yang penting malah turut memperlihatkan gaya seni hiasan yang tersendiri. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mendokumen dan mengenalpasti lebih banyak rekaan hiasan atap masjid dan menjalankan pemetaan lokasi terhadap masjid-masjid warisan di Melaka. Permasalahan penyelidikan ini ialah untuk melihat salah satu elemen yang mempunyai keunikan seni bina masjid warisan iaitu hiasan pada bumbungnya yang dikenali sebagai mahkota atap masjid yang kini semakin berkurang bilangannya malah ada yang hampir dilupakan. Kesan kemasukan pengaruh seni bina Islam daripada luar dan perubahan perspektif terhadap seni Islam yang menjadikan mahkota atap masjid di negeri Melaka mengalami ancaman kepupusan malah turut diketepikan dan diganti dengan elemen seni bina yang baru seperti kubah berbentuk bawang yang banyak dilihat di kebanyakan masjid pada masa kini. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kajian kepustakaan dan kajian lapangan di seluruh daerah di Melaka iaitu Jasin, Melaka Tengah dan Alor Gajah. Hasil kajian ini dapat memetakan lokasi masjid-masjid warisan di setiap daerah dalam Negeri Melaka yang masih mempunyai hiasan mahkota atap di mana ia boleh digunakan oleh pihak berkuasa tempatan dalam pemantauan dan usaha pelestarian warisan seni Islam tempatan

---

**Kata kunci:** Pemetaan, masjid warisan, mahkota atap masjid, seni, Islam

### Abstract

---

*The mosque is a landmark building and was built by the Muslim community as one of the symbols of Islam that serves as an important religious center in an Islamic region. There are various designs of mosques, an identity to the Islamic government in the world. In Malacca, the construction of mosques not only has important historical value but also show a distinctive style of decorative art. Hence, this study was undertaken to document and identify more decorative designs roof of the mosque and perform mapping the location of heritage mosques in Melaka. The problem of this research is to look at one of element that has a unique architectural heritage mosque in Melaka. The problem of this research is to look at one of element that has a unique architectural heritage of decoration on the mosque roof known as the roof crown of the mosque which is now diminishing in number but there*

*were almost written off. The effect of the inclusion of Islamic architectural influences from the outside and change the perspective of Islamic art that makes the roof crown of the mosque in Melaka under threat of extinction but also set aside and replaced with new architectural element such as onion-shaped dome that is widely seen in many mosques nowadays. This research uses a qualitative method that involves the study of literature and field studies in all regions in the state of Malacca namely Jasin, Alor Gajah and Melaka Tengah. The result of this study can map the location of heritage mosque in every district in the State of Malacca which still has a decorative of roof crown where it can be used by local authorities in monitoring and the preservation of local heritage of Islamic art.*

---

**Keywords:** Mapping; heritage mosque; mosque roof crown, arts, Islam


## PENGENALAN

Di Malaysia, bidang seni bina telah berkembang seiring dengan perkembangan budaya dan masyarakat yang mendominasinya. Sesuatu kelompok itu akan mencipta peradaban dan meninggalkannya sebagai satu identifikasi. Pada peringkat perkembangan awal, reka bentuk dan ragam hias seni bina tidak banyak yang diketahui di Malaysia. Hanya terdapat beberapa maklumat yang menggambarkan bahawa seni bina pada ketika itu berbentuk ringkas dan mudah. Namun keadaan berubah apabila berlakunya kemasukan kuasa atau pengaruh asing (Azmi Yusof 2014).

Seni bina tradisional masyarakat tempatan masih kekal dan utuh, namun terdapat juga impak hasil pertembungan budaya luar yang telah meninggalkan kesan mendalam terhadap perkembangan seni bina di Malaysia. Pertembungan ini menghasilkan pelbagai bentuk dan ragam hias bangunan kesan daripada proses adaptasi dan asimilasi budaya. Unsur-unsur tradisi dan moden telah digabungkan dengan penerapan unsur Hindu-Buddha, Islam Arab, Cina dan Eropah (Azmi Yusof 2014). Kepelbagaian ini telah diterapkan pada bangunan-bangunan pentadbiran, masjid, rumah ibadat dan sebagainya.

Di Malaysia, perkembangan Islam telah menonjol dan tersebar ke seluruh kawasan pada awal abad ke-15 semasa pemerintahan kesultanan Melayu Melaka dan Melaka merupakan pusat terpenting tersebarnya Islam di Semenanjung Malaysia. Banyak masjid vernakular yang telah dibina pada masa itu bagi menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan ajaran agama Islam (A. Ghafar 1999). Reka bentuk masjid vernakular yang berbumbung piramid di Melaka mempunyai kesamaan dengan masjid Jawa di Indonesia dan juga masjid Kg Laut di Kelantan (Nash 1998).

Hal ini turut diujah oleh Mohamad Tajuddin (1999) yang mengatakan bumbung berbentuk piramid di Masjid Kg Laut di Kelantan dipercayai dibina pada abad ke-16 dan ke-17 M. Melalui penulisan yang dikarang oleh Allan Bruce dalam *Notes on Early Mosques of the Malaysian Peninsula* menjelaskan bahawa pembinaan masjid terawal ialah masjid Diraja pertama iaitu di Melaka yang telah dibina mengikut gaya dan reka bentuk seperti Masjid Agung Demak. Dalam penulisan beliau turut mengatakan bahawa Masjid Kg Laut adalah masjid yang pertama dibina di Malaysia namun masjid yang tertua di Malaysia adalah di Melaka. Hal ini dibuktikan apabila pembangunan masjid telah bermula pada abad ke-15 M dan diteruskan sehingga ke abad ke-18 M.



Peta 1. Peta Negeri Melaka (2019)

Negeri Melaka mempunyai sejarah kegemilangan dan kejatuhan sebuah kerajaan Melayu Islam yang terpenting pada masa dahulu. Kesejahteraan masyarakat yang tinggal di bawah pemerintahan Islam di Melaka dimanifestasikan melalui seni bina Islam yang didirikan oleh masyarakat Islam di Negeri Melaka khususnya masjid. Pembinaan masjid bermula sejak Islam mula bertapak di Melaka pada abad ke-13 M. Pada awalnya bentuk seni bina masjid dipengaruhi oleh seni bina daripada istana raja dan rumah pembesar-pembesar kerajaan Melayu Melaka.

Namun setelah Melaka dikuasai oleh Belanda sekitar tahun 1641-1795, sebuah masjid telah di bina di Peringgit pada tahun 1720 iaitu dikenali sebagai Masjid Peringgit. Masjid ini dianggap sebagai masjid yang tertua di Melaka yang masih kekal hingga ke hari ini. Kesan seni bina masjid terawal yang ada di Melaka yang dapat dilihat pada hari ini ialah seni bina pada abad ke-18 selepas kerajaan Belanda membenarkan pembinaan rumah ibadat agama lain selain daripada Kristian pada abad tersebut. Seni bina masjid di Negeri Melaka diteruskan sehingga pertengahan abad ke-21. Justeru, masjid warisan di Melaka bukan sahaja mempunyai nilai sejarah yang terpenting malah turut menampakkan gaya seni hiasannya yang unik dan tersendiri.

Di Melaka terdapat beberapa buah masjid warisan yang masih mengekalkan rekaan hiasan pada puncak bumbung masjid iaitu dikenali sebagai mahkota atap. Menurut Ros Mahwati & Nik Hassan Shuhaimi (2012), mahkota atap masjid tradisional di Melaka mempunyai beberapa ciri utama iaitu rekaan ini terletak di bahagian paling atas pada bumbung masjid, mempunyai bentuk seperti piramid, tapak berbentuk segi empat, bertingkat, dan mempunyai hiasan di setiap sudut. Bagi Syaimak & Mohd Sufiean (2017) pula, kebanyakan masjid yang terdapat di Melaka mempunyai bumbung yang bertingkat-tingkat dan berbentuk piramid. Tambahan beliau lagi, reka corak dan hiasan yang mempunyai ukiran dan hiasan Cina sangat ketara dan boleh dilihat pada hujung-hujung atap serta pada puncak atap masjid yang mempunyai persamaan pada rumah ibadat masyarakat Cina. Bukan itu sahaja, menurut Somayah & Ezrin (2013) turut menjelaskan dalam penulisan beliau bahawa majoriti rumah ibadat cina di semenanjung menyerupai seni bina cina selatan dan tidak mempunyai mahkota. Namun masjid tradisional Melaka menunjukkan pengaruh daripada seni bina negara Cina dengan memperkenalkan mahkota yang diletakkan di puncak atap masjid beserta ukiran bermotifkan flora. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pengaruh Cina turut memberi sumbangan besar kepada pembangunan masjid di Melaka.

Mahkota atap merupakan salah satu daripada elemen masjid yang unik dalam seni bina masjid warisan di Melaka sehingga kini. Setiap rekaan mahkota atap ini mempunyai bentuk yang tersendiri. Walau bagaimanapun, seni bina masjid warisan di Melaka ini iaitu rekaan mahkota atap semakin dipinggirkan dan menghadapi ancaman kepupusan. Kemasukan pengaruh seni bina Islam dari luar dan perubahan perspektif terhadap seni Islam menyebabkan mahkota atap masjid di Negeri Melaka bukan sahaja terhenti malah turut diketepikan dan digantikan dengan elemen seni bina yang lebih moden seperti kubah berbentuk bawang yang dapat dilihat pada kebanyakan masjid pada masa kini. Hal ini amat menyedihkan apabila rekaan mahkota atap yang telah direka beratus tahun ini menghadapi ancaman kepupusan akibat daripada tindakan masyarakat setempat yang salah faham terhadap kesenian Islam dan mereka beranggapan ianya bukan seni Islam dan tidak sesuai diletakan pada binaan masjid. Hal ini sedikit sebanyak telah menjadi ancaman kepada kewujudan mahkota atap masjid di Negeri Melaka. Justeru pemetaan bagi lokasi masjid yang terlibat ini penting dijalankan supaya nilai warisan tidak ketara ini tidak dibiarkan begitu sahaja tanpa memelihara khazanah warisan.

### Definisi Rekaan Mahkota Atap Masjid



Foto 1. Rekaan Mahkota Atap bagi Masjid Al Hamideen, Melaka Tengah

Seni bina masjid warisan Melaka mempunyai gayanya yang tersendiri yang mempunyai ciri yang penting dan ketara. Seni bina masjid di Melaka lebih terserlah dengan adanya hiasan pada puncak yang boleh dilihat di atas bumbung yang berbentuk piramid. Menurut Ros Mahwati & Nik Hassan Shuhaimi (2012) dalam artikelnya yang bertajuk *Motif Hiasan Tiga Buah Masjid abad ke-18* telah menamakan hiasan pada puncak bumbung sebagai mahkota. Manakala, menurut Nash (1998), hiasan bahagian paling atas pada puncak turut dikenali dengan beberapa nama seperti kepala som dan mahkota atap (Abdul Halim 2004).

Berbeza pula di negara jiran menamakannya dengan pelbagai nama seperti mustoka di Cirebon dan puncak di Sunda (Abdul Halim 2004). Selain itu, masyarakat di Kelantan memanggilnya sebagai buah Buton manakala bagi masyarakat Terengganu mengenalinya sebagai buah gutong (Mohd Sabrizaa 2002). Menurut Nash (1998), bahan binaan bagi hiasan kemuncak masjid warisan di Melaka diperbuat daripada karang laut yang dicampur dengan telur bagi menggantikan simen dan diukir dalam bentuk bertingkat sama ada tiga atau empat tingkat dan kebiasaannya hiasan ini berbentuk seperti stupa. Selain itu, Abdullah & Syaimak (2014) menyatakan bahawa mahkota atap memiliki daya ketahanan yang tinggi dan mampu bertahan dalam tempoh yang sangat lama oleh disebabkan bahan yang digunakan adalah daripada seramik. Oleh itu tidak hairanlah jika ia boleh bertahan selama ratusan tahun sehingga ke hari ini yang masih teguh berada di atas puncak bumbung masjid. Justeru, rekaan mahkota atap masjid di negeri Melaka pada abad ke-18 dan 19 Masihi mempunyai keunikan daripada segi rekaan dan memberi satu identiti kepada seni bina masjid Melaka (Ros Mahwati & Nik Hassan Shuhaimi 2012).

## METODOLOGI KAJIAN

Kaedah yang digunakan dalam menjalankan penyelidikan ini ialah penyelidikan secara kualitatif yang melibatkan kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Dalam kajian ini data yang dikumpulkan ialah rekaan mahkota atap masjid yang didokumenkan dalam kerja lapangan di tiga buah daerah negeri Melaka iaitu Jasin, Melaka Tengah dan Alor Gajah.

Bagi pengumpulan data sekunder, penyelidik telah membuat kajian kepustakaan yang terdiri daripada jurnal, tesis akademik, buku, artikel penyelidikan dan terbitan-terbitan rasmi yang berkaitan dengan seni bina masjid. Kajian kepustakaan ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat berkaitan sejarah perkembangan seni bina masjid di Melaka, budaya Islam, seni bina masjid di Dunia Melayu-Nusantara dan sebagainya yang berkaitan dalam penyelidikan ini.

Di samping itu, penyelidik memerlukan beberapa instrumen atau alat bantuan bagi memudahkan penyelidik mengumpulkan data primer. Dalam hal ini, penyelidik menggunakan instrumen seperti penggunaan teknologi dron untuk proses pemetaan lokasi dan penggunaan GPS koordinat bagi lokasi masjid yang terlibat.

## HASIL PENYELIDIKAN DAN PERBINCANGAN

Kemasukan Islam di Melaka pada abad ke-13, telah menyebabkan beberapa buah masjid lama telah mula dibina bagi kegunaan masyarakat setempat bagi menjalankan ibadah dan kegiatan keagamaan. Selepas Islam berkembang di Melaka, jumlah masjid yang dibina semakin meningkat dan sehingga kini terdapat lebih kurang 178 buah masjid yang dibina termasuk masjid-masjid baru. Penambahan jumlah penduduk menyebabkan masjid-masjid baru dibina bagi menampung para Jemaah untuk menunaikan tuntutan ibadah.

Walau bagaimanapun, masjid-masjid warisan yang telah lama dibina masih lagi digunakan dan masih mempunyai rekaan hiasan pada puncak masjid. Justeru kajian pemetaan dijalankan bagi mendokumenkan rekaan mahkota atap masjid agar terus dipelihara daripada ia dimusnahkan dengan menggantikan ia dengan elemen yang baru seperti kubah yang terdapat pada masjid sekarang. Berikut merupakan peta dan kordinat lokasi bagi pemetaan masjid yang masih mempunyai mahkota atap masjid di sekitar daerah Jasin, Melaka Tengah dan Alor Gajah.

### Daerah Jasin



Peta 2. Lokasi Masjid Warisan di Daerah Jasin

Jadual 1. Koordinat bagi Masjid di Daerah Jasin

DAERAH JASIN		
BIL	SENARAI MASJID	KOORDINAT
1.	Masjid At - Taqwa Kg Rim	2.32475, 102.48567
2.	Masjid Lama Kg Ayer Barok	2.31032, 102.42789
3.	Rim Masjid Nurul Iman Ayer Panas	2.27305, 102.36631
4.	Masjid Kg Tehel	2.24140, 102.34243
5.	Masjid Jamek Serkam	2.13863, 102.38267
6.	Masjid Sebatu	2.12342, 102.46819

Berdasarkan kajian pemetaan yang dijalankan, daerah Jasin terletak di bahagian selatan daerah di Melaka dan merupakan daerah yg terbesar dan bandar ketiga yang terpenting di negeri Melaka selepas bandar Alor Gajah. Berdasarkan sumber daripada Jabatan Perangkaan Malaysia melalui laman web rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Jasin, Melaka, keluasan bagi Daerah Jasin secara keseluruhannya ialah 67,799 hektar bersamaan 678 km persegi. Daerah ini mempunyai 20 buah mukim dan 101 buah perkampungan diperekitarannya. Pembangunan di daerah ini lebih tertumpu di Bandar Jasin, Pekan Merlimau dan Pekan Selandar yang berfungsi sebagai pusat pentadbiran daerah, pusat perdagangan dan pusat perindustrian (Majlis Perbandaran Jasin 2019)

Daerah ini merupakan tumpuan utama bagi kegiatan ekonomi berasaskan industri pertanian di mana ia merupakan daerah yang terawal meneroka perladangan getah di Malaysia. Daerah ini merupakan daerah pertama yang memulakan penanaman gambir untuk dieksport dan sehingga kini Jasin masih lagi dikelilingi kawasan perladangan yang luas.

Demografi bagi penduduk di Daerah Jasin terdiri daripada penduduk Melayu, Cina, India dan minoriti penduduk bukan warganegara. Seluruh penduduk daerah ini adalah seramai 135,317 orang. Selain bandar Jasin, Merlimau merupakan bandar utama yang terdapat di daerah Jasin dan bandar kedua selepas bandar Jasin.

### Daerah Melaka Tengah



Peta 3. Peta Daerah Melaka Tengah

Jadual 2. Kordinat lokasi Masjid Melaka Tengah

---

**MELAKA TENGAH**


---


BIL	SENARAI MASJID	KOORDINAT
1.	Masjid Fathur Rahman Pengkalan Rama	2.207740, 102.2536
2.	Masjid Bukit Cina	2.19927, 102.25494
3.	Masjid Kampung Kling	2.196790, 102.2475
4.	Masjid Kampung Hulu	2.19924, 102.24762
5.	Masjid Tengker	2.20418, 102.23201
6.	Masjid An-Nur Peringgit	2.22019, 102.25876
7.	Masjid Saad Ibni Abi Waqqas, Jalan Klebang Besar	2.21654, 102.20406
8.	Masjid Bilal Bin Rabah, Tanjung Kling Melaka	2.22147, 102.16225
9.	Masjid Tangga Batu Kecil	2.25916, 102.15286
10.	Masjid Wadhi As-Sidiq Paya Rumput Jaya	2.27033, 102.14961
11.	Al-Faizin Mosque, Kampung Bertam Malim	2.24746, 102.22134
12.	Al-Abrar Mosque Semabok	2.19636, 102.28186
13.	Masjid Jamek Kampung Duyong	2.20007, 102.29382
14.	Masjid Al Khairiah, Telok Mas	2.165930, 102.3199
15.	Masjid Pokok Asam	2.22100, 102.17884
16.	Masjid Al Falahin Alai Melaka	2.17945, 102.30533

---

Berdasarkan laman web rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah (PDTMT), Melaka Tengah merupakan daerah yang paling maju dan mempunyai kepadatan penduduk berbanding dua daerah yang lain yang mana ianya terletak di tengah-tengah bandar. Keluasan bagi Daerah Melaka Tengah secara keseluruhannya ialah 314 km persegi. Daerah ini mempunyai 29 buah mukim, 44 kawasan bandar dan 95 buah perkampungan dipersekitarannya.

Penduduk di daerah ini tertumpu di kawasan pusat bandar utama kerana berperanan sebagai ibu negeri, pusat perniagaan dan perdagangan serta aktiviti perindustrian. Oleh itu, ramai penduduk di daerah ini kerana peluang pekerjaan yang lebih luas. Daerah ini juga terletaknya banyak bandar-bandar bersejarah yang menjadi tumpuan para pengunjung setiap kali datang ke negeri Melaka. Maka tidak hairanlah mengapa daerah ini mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi kerana negeri ini mempunyai sejarah yang terpenting pada masa lampau.

### Daerah Alor Gajah



Peta 4. Lokasi Bagi Masjid-Masjid Di Daerah Alor Gajah  
 Jadual 3. Koordinat bagi masjid-masjid di daerah Alor Gajah

---

**DAERAH ALOR GAJAH**


---

<b>BIL</b>	<b>SENARAI MASJID</b>	<b>KOORDINAT</b>
1.	Masjid Sungai Petai, Alor Gajah	2.35563, 102.20927
2.	Al Aman Qariah Kelemak	2.373130, 102.207
3.	Masjid Al Jauhari	2.40494, 102.19868
4.	Kg Melekek Luar Mosque	2.41680, 102.19264
5.	Masjid Dahariyah Kampung Berisu	2.43272, 102.13607
6.	Kampung Al-Muhtadi Ramuan China Besar	2.40525, 102.08059
7.	Masjid Ar-Razak Kampung Pulau	2.375370, 102.0729
8.	Al-Bar Kampung Kuala Linggi	2.38311, 101.97428
9.	Al-Hafiz Mosque Kampung Tengah, Kuala Sungai Baru	2.36848, 102.00944
10.	Masjid Al Mujib	2.35426, 102.13322
11.	Masjid Lama Masjid Tanah	2.35234, 102.10815
12.	Masjid Datuk Janggut	2.35916, 102.09763
13.	Masjid Kampung Parit Melana	2.34199, 102.26311

---

Alor Gajah terletak lebih kurang 19 km daripada pusat bandar Melaka. Menurut catatan sejarah bandar ini mula diterokai oleh orang-orang Minangkabau pada kurun ke-12 M. Penghijrahan beramai-ramai penduduk Minangkabau dari daerah Tampin semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka menyebabkan wujudnya penempatan penduduk. Bermula daripada itu, kawasan ini menjadi kawasan penempatan yang pesat dengan menjalankan pekerjaan hasil pertanian oleh penduduk setempat.

Berdasarkan sumber daripada pihak Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), daerah Alor Gajah mempunyai keluasan 66,302 hektar dan meliputi tiga buah bandar dan enam belas buah pekan kecil. Bandar tersebut terdiri daripada Pulau Sebang, Alor Gajah dan Masjid Tanah yang dikelilingi pekan-pekan kecil iaitu Simpang Empat, Ramuan Cina Besar, Kuala Sungai Baru, Lubok Cina, Durian Tunggal, Simpang Gading, Pengkalan Balak, Brisu, Lendu, Kuala Linggi, Ramuan Cina Kecil dan Rembia. Kesemua bandar dan pekan ini terletak di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Alor Gajah. Hampir 75% bentuk muka bumi di Daerah Jasin adalah landai kerana berada di bawah ketinggian 50 meter dan sesuai untuk aktiviti pertanian.

### **ANALISIS PEMETAAN BAGI LOKASI MASJID WARISAN DI MELAKA**

Melalui kajian pemetaan yang dijalankan di ketiga-tiga daerah iaitu daerah Jasin, Melaka Tengah dan Alor Gajah terdapat beberapa buah masjid warisan yang masih mengekalkan hiasan puncak pada bumbung masjid iaitu mahkota masjid. Berikut merupakan jumlah masjid warisan yang masih mempunyai rekaan mahkota atap di Negeri Melaka:

Jadual 4. Bilangan Masjid Warisan Yang Mempunyai Mahkota Atap Masjid

<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN MASJID</b>
Jasin	6 Buah masjid
Melaka Tengah	16 Buah masjid
Alor Gajah	13 Buah masjid

Berdasarkan jadual 4, menunjukkan bilangan masjid yang masih mempunyai mahkota di atas puncak bumbung masjid. Bilangan ini sangat sedikit berbanding jumlah masjid yang ada di negeri Melaka dan termasuk yang telah di wartakan oleh pihak Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) sebagai bangunan warisan iaitu sebanyak 56 buah masjid. Melalui kajian yang dijalankan terdapat lebih kurang 35 buah masjid di keseluruhan daerah yang masih mengekalkan rekaan hiasan mahkota



atap. Hal ini disebabkan kebanyakan masjid lama telah ditukar kepada elemen baru seperti kubah bawang yang mempunyai bentuk bulan dan bintang pecah lima. Terdapat juga masjid-masjid baru dan moden telah dibina bagi menggantikan masjid warisan di Melaka. Hal ini mungkin disebabkan penambahan penduduk menyebabkan masjid-masjid baru banyak dibina bagi menampung lebih ramai jemaah solat pada setiap kadar waktu tertentu.

Peta 2 memaparkan taburan bagi lokasi bagi masjid di daerah Jasin yang masih mempunyai hiasan pada puncak masjid iaitu mahkota atap. Terdapat lebih kurang enam buah masjid yang masih mengekalkan mahkota pada bumbung atap masjid yang mana ia merupakan hiasan seni yang sangat menarik dan mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, setiap masjid-masjid ini mempunyai jarak yang jauh dan persekitaran kawasan masjid ini dikelilingi dan terletak disekitar kawasan perumahan dan perkampungan. Hal ini menunjukkan masjid tersebut masih berfungsi dan digunakan oleh penduduk setempat walaupun usianya telah mencecah ratusan tahun. Terdapat lebih kurang beberapa buah masjid yang bermahkota ini terletak disekitar kawasan pekan Jasin dan berdekatan dengan kawasan sekolah.

Seterusnya, berdasarkan peta 3 iaitu daerah Melaka Tengah, terdapat enam belas buah masjid warisan yang bermahkota masih wujud sehingga ke hari ini. Terdapat tiga buah masjid yang terletak di tengah bandar iaitu Masjid Kampung Kling dan Masjid Kampung Hulu serta Masjid Tengkeria yang mana ia terletak agak jauh sedikit daripada pusat bandar. Ketiga-tiga masjid ini merupakan masjid yang paling tua dan merupakan masjid yang menjadi tumpuan kepada para pengunjung tidak kira daripada pelbagai bangsa dan agama. Masjid-masjid ini juga mempunyai rekaan mahkota yang sangat cantik dan unik. Selain itu, terdapat juga masjid yang terletak berdekatan dengan kawasan pesisiran pantai seperti Masjid Pokok Asam dan Masjid Tanjung Kling serta Masjid Saad Ibni Abi Waqqas Klebang Besar. Masjid-masjid ini merupakan masjid yang menjadi tumpuan utama kepada penduduk setempat kerana kedudukannya yang terletak dikawasan pekan dan kawasan perkampungan. Begitu juga masjid-masjid yang terletak di kawasan pekan dan berdekatan dengan kawasan perumahan.

Merujuk kepada peta 4, memperlihatkan taburan masjid di sekitar daerah Alor Gajah. Daripada jumlah keseluruhan masjid yang ada di Alor Gajah iaitu sebanyak 63 buah masjid, terdapat lebih kurang 13 buah masjid yang telah dijumpai yang masih mempunyai mahkota atap masjid. Hal ini menunjukkan perubahan masa dan zaman serta persepsi masyarakat setempat telah menyebabkan hiasan masjid ini tidak lagi digunakan di kebanyakan masjid di daerah ini. Pembinaan masjid-masjid baru juga lebih berkonsepkan hiasan sederhana dibahagian puncak bumbung masjid yang berbentuk kubah beserta hiasan bulan dan bintang.

Berdasarkan kajian pemetaan yang dijalankan, kebanyakan masjid warisan di daerah ini masih lagi berfungsi dengan baik dan digunakan untuk beribadah dan aktiviti keagamaan oleh penduduk setempat. Kebanyakan masjid ini terletak di kawasan perkampungan dan kawasan pekan. Kebanyakan masjid terletak di tepi jalan seperti Masjid Jauhar, Masjid Sg Petai, Masjid Datuk Janggut dan Masjid Melekek Luar yang terletak berdekatan lebuh raya AMJ. Selain itu terdapat juga masjid yang tidak lagi berfungsi iaitu terletak di pekan Alor Gajah iaitu masjid lama Masjid Tanah. Masjid Ramuan China juga tidak lagi digunakan kerana telah ada pembinaan masjid baru di belakang masjid tersebut. Namun terdapat juga masjid yang telah diubah suai dan masih memelihara khazanah warisan tidak ketara ini dan masih diletakkan di atas bumbung masjid.

### **Rekaan Mahkota Atap Masjid Warisan di Melaka**

Beberapa jenis rekaan mahkota atap masjid yang telah ditemui semasa kerja pendokumentasian dijalankan di ketiga Daerah iaitu Daerah Jasin, Melaka Tengah dan Alor Gajah. Pelbagai jenis dan rekaan mahkota yang dapat dilihat dan kesemuanya mempunyai pelbagai bentuk yang unik dan menarik. Boleh dikatakan hampir kesemua rekaan mahkota atap masjid ini mempunyai rekaan berbentuk piramid dan mempunyai tapak empat persegi yang besar dibawah dan semakin mengecil di bahagian atas hiasan puncak. Berikut merupakan beberapa bentuk mahkota masjid yang ada di Negeri Melaka.



Foto 2. Rekaan Mahkota Atap Masjid Ayer Barok, Jasin

Masjid ini merupakan masjid lama Ayer Barok di Melaka yang terletak di Daerah Jasin. Masjid ini telah dibina pada tahun 1917 dan ia merupakan masjid utama yang digunakan oleh penduduk di sekitar Pekan Jasin pada masa dahulu. Masjid ini mempunyai ketinggian mahkota atap yang unik sebanyak tiga tingkat yang dihiasi seni ukir daripada batu. Masjid ini mempunyai struktur bangunan yang berbentuk empat persegi yang digabungkan daripada bahan batu dan kayu manakala bumbungnya yang berlapis tiga disusun dengan menggunakan genting 'marseille'. Namun pada tahun 1969, selepas masjid baru di bina, masjid ini tidak lagi digunakan sepenuhnya dan hanya digunakan untuk kegiatan agama oleh penduduk sekitar pekan Jasin. Pada tahun 2002, Jabatan Muzium dan Antikuiti telah menjalankan kerja-kerja pemuliharaan bagi masjid ini.



Foto 3. Rekaan Mahkota Atap Masjid Kg Tehel, Jasin

Masjid ini merupakan masjid Kg Tehel yang terletak di Bemban, Jasin. Pada asal ianya hanyalah sebuah surau. Namun pada tahun 1926, masjid ini telah siap dibina atas pertolongan dan bantuan kewangan daripada penduduk setempat. Masjid ini juga mempunyai hiasan puncak iaitu mahkota atap yang menarik dimana ia mempunyai empat tingkat ketinggian mahkota.



Foto 4. Rekaan Mahkota Atap Masjid Nurul Iman, Jasin

Mahkota atap masjid Nurul Iman Ayer Panas ini merupakan masjid yang terletak di Daerah Jasin yang mana ianya mempunyai ketinggian mahkota sebanyak empat tingkat. Masjid ini berada di sekitar kawasan kampung dan terletak di tepi jalan bagi memudahkan penduduk sekitar kawasan menggunakannya.



Foto 5. Rekaan Mahkota Atap Masjid Tengker, Melaka Tengah

Ini merupakan mahkota atap masjid bagi masjid Tengker. Masjid ini telah dibina sepenuhnya pada tahun 1728 di Kawasan yang dinamakan Tengker. Bangunan masjid ini dibina berhampiran kawasan pinggir pantai. Masjid ini mempunyai keunikannya tersendiri dan merupakan masjid yang tertua di Melaka yang masih mengekalkan hiasan mahkota.



Foto 6. Rekaan Mahkota Atap Masjid Peringgit, Melaka Tengah

Masjid ini telah dibina semula pada tahun 1293 setelah masjid peringgit yang lama dimusnahkan pada tahun 1141. Masjid ini berbentuk empat persegi dan bahan binaannya terdiri daripada batu laterit dan batu bata. Manakala hiasan pada puncak bumbung diperbuat daripada batu karang yang berukir. Masjid ini hanya digunakan oleh penduduk setempat sahaja untuk solat harian dan tidak lagi digunakan untuk solat jumaat kerana telah dibina sebuah masjid negeri berhampiran Masjid Peringgit.

#### **KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, penyelidikan ini telah dapat memetakan dan mendokumentasikan lokasi dan rekaan mahkota atap masjid warisan di seluruh Negeri Melaka bagi tujuan pelestarian seperti yang termaktub dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (645). Dengan adanya data visual dan pemetaan lokasi bagi menemui rekaan mahkota atap ini dapat memudahkan kerja pemantauan warisan dan juga kerja pemeliharaan. Berdasarkan kepentingan daripada segi seni bina pengaruh dan sejarah yang berkaitan dengan perhubungan manusia, ciri-ciri estetika yang terdapat pada mahkota atap masjid dapat memperlihatkan kekayaan kepelbagaian reka bentuk yang luar biasa dan keunikan warisan seni Islam tempatan.

#### **PENGHARGAAN**

Kajian ini dijalankan di bawah Geran Universiti Penyelidikan (GUP-2018-02) Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

#### **RUJUKAN**

- A Ghafar Ahmad. 1999. The Architectural Styles of Mosque in Malaysia. From Vernacular to Modern Structures. *Proceeding of the Symposium on Mosque Architecture: The Historic and Urban Development of Mosque Architecture King Saud University Riyadh, Saudi Arabia*
- Abdul Halim Nasir. 2004. *Mosque Architecture in the Malay World*. Terj. Omar Salahuddin Abdullah. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Abdullah Yusof & Syaimak Ismail. 2014. Sumbangan pertukangan Cina terhadap reka bentuk masjid kajian terhadap komponen luar masjid di Melaka pada abad ke-18. *Jurnal al-Tamadun* 9(1): 57-66.
- Azmi Yusof. 2014. *Seni Bina Malaysia: Warisan dalam Kepelbagaian*. Jabatan Muzium Malaysia
- Majlis Perbandaran Jasin (2019). <http://www.mpjasin.gov.my/> [Akses pada 15 Mei 2019]

- Mohamad Tajuddin Rasdi. 1999. *Peranan Kurikulum Dan Rekabentuk Masjid Sebagai Pusat Pembaunan Masyarakat*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Mohd Sabriza. 2002. *Evolusi Bentuk dan Makna pada Ragam Hias Dalam Seni bina Tradisional Melayu*. Perak: Universiti Teknologi MARA
- Nash Rahman. 1998. *Masjid Pembentukan dan Pembinaan Masjid-Masjid Dunia Malaysia dan Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Puncak Awal.
- Ros Mahwati & Nik Hassan Shuhaimi. 2012. Motif Hiasan Tiga Buah Masjid abad ke-18. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 25: 116-130.
- Somayeh Armani & Ezrin Arbi. 2013. The Foreign Architectural Influences on Melaka Style Traditional Mosques. *International Conference on Architecture and Built Environment 'Redefining the Concept of Islamic Architecture and Environmental Design*, International Islamic University Malaysia.
- Syaimak Ismail & Mohd Sufiean Hassan. 2017. Chinese Décor and Coraks in the Interior Decoration: A Study on The Mosque In Malacca In The Early 18<sup>th</sup> Century. *Journal of Ilmi* 7: 35-50.

Nurfarahhana Ismail  
Calon Sarjana  
Institut Alam dan Tamadun Melayu,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.  
Email: nurfarahhana9402@gmail.com

Ros Mahwati Ahmad Zakaria (PhD.)  
Felo  
Institut Alam dan Tamadun Melayu,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.  
Email: rosmahwati@ukm.edu.my

Zuliskandar Ramli (PhD.)  
Timbalan Pengarah/Profesor Madya  
Institut Alam dan Tamadun Melayu,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.  
Email: ziskandar2109@gmail.com

Aszulahida Aman  
Calon PhD  
Institut Alam dan Tamadun Melayu,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.  
Email: aszulahida@yahoo.com

Diserahkan: 30 Julai 2019

Diterima: 15 September 2019